

TANGGUNGJAWAB Bahagian Pengurusan Rangkaian PTM

PTM dengan ini bersetuju untuk memastikan bahawa PTM akan:-

- (a) memasang, mengoperasi dan mengurus infrastruktur bagi perkhidmatan rangkaian di lokasi mengikut spesifikasi/piawaian;
- (b) menyediakan khidmat sokongan teknikal terhadap infrastruktur bagi perkhidmatan rangkaian di lokasi;
- (c) menyediakan capaian tanpa wayar dengan konsep *hotspot* pada kelajuan 1 Mbps *best effort* setiap pengguna;
- (d) membaiki dan menyelesaikan semua masalah berhubung kegagalan dan gangguan perkhidmatan rangkaian sepanjang perkhidmatannya;
- (e) menanggung semua kos bagi menyediakan, memasang, mengoperasi dan menyelenggara perkhidmatan rangkaian (termasuk kos baikpulih kerosakan) mengikut budget yang diperolehi dari UKM;
- (f) berhak menahan dan menyekat mana-mana aktiviti capaian rangkaian yang disahkan mengganggu rangkaian UKM dan memberi kebenaran semula;
- (g) berhak mengambilalih sepenuhnya infra rangkaian tanpa syarat sekiranya terdapat masalah yang kritikal;
- (h) sebarang penyelenggaraan yang dirancang akan dimaklumkan melalui media hebahan (ewarga,epelajar,laman web) dalam tempoh 7 hari bekerja;
- (i) tidak bertanggungjawab keatas sebarang bentuk kerugian,liabiliti dan termasuk tetapi tidak terhad kepada implikasi yang berlaku dari kesan pengoperasian rangkaian.

TANGGUNGJAWAB WARGA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA dan PENGGUNA

Bersetuju untuk memastikan bahawa akan:-

- (a) membantu untuk merancang dan menyelaraskan pelaksanaan perkhidmatan rangkaian bersama-sama dengan PTM;
- (b) memaklumkan lebih awal sebarang acara UKM yang melibatkan perkhidmatan rangkaian;
- (c) memberikan kerjasama penuh kepada PTM untuk membolehkan PTM memasang kelengkapan serta peralatan yang berkenaan ("Pemasangan") bagi penyediaan perkhidmatan rangkaian termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
 - (i) memberikan persetujuan bagi pemasangan tersebut dengan tiada sebarang kelengahan tanpa sebab yang munasabah;
 - (ii) membenarkan PTM menggunakan punca elektrik untuk peralatan perkhidmatan rangkaian tanpa sebarang syarat;
- (d) tidak mematikan punca elektrik yang menyambungkan peralatan perkhidmatan rangkaian
- (e) memaklumkan semua masalah berhubung kegagalan dan gangguan perkhidmatan secara terperinci kepada PTM untuk tindakan pembetulan dan/atau pembaikan melalui saluran yang telah ditetapkan;
- (f) bertanggungjawab memastikan dan melaksanakan pembetulan bagi kerosakan ke atas utiliti dan peralatan sokongan di PTJ;
- (g) memberi kerjasama penuh untuk melindungi semua peralatan dan perkakasan rangkaian yang diletakkan di lokasi dan bertanggungjawab (sedapat yang mungkin) untuk memastikan yang peralatan dan perkakasan tersebut tidak disalahguna, dirosakkan atau dicuri serta hanya menggantikan sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh pihak PTM akibat dari salahguna, kerosakan atau kecurian yang terjadi akibat kecuaiannya melampaui pengguna PTJ;
- (h) menggunakan perkhidmatan rangkaian secara berhemah dan menghormati hak-hak orang lain.